




MODUL PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA

AKTIVITI 1 Malang Tidak Berbau

SP 1.4.1	Berbual dengan menerangkan sesuatu isu yang berkaitan dengan komuniti menggunakan sebutan yang betul dalam situasi yang tidak formal secara bertatasusila.
Tema	Keselamatan Diri
PKJR	1.1.1, 2.3.2, 2.4.3, 5.1.2
PAK-21	Fikir-Pasang-Kongsi
Objektif	<ol style="list-style-type: none">1. Murid dapat memahami gambar-gambar yang dikemukakan.2. Murid dapat berbual dalam situasi tidak formal secara bertatasusila tentang gambar3. Murid dapat menyatakan kesan-kesan buruk akibat kemalangan.4. Murid dapat menyatakan langkah-langkah yang betul untuk mengelakkan kemalangan jalan raya.



Aktiviti

1. Murid meneliti dan memahami gambar-gambar yang diberikan.
2. Kemudian, secara berpasangan murid-murid diminta supaya berbual-bual secara tidak formal tentang maklumat yang diperoleh mereka berdasarkan gambar-gambar yang diberikan.
3. Selepas itu, murid diminta untuk berbual semula secara tidak formal di hadapan kelas.
4. Murid-murid lain diminta supaya mencatatkan isi perihal kesan kemalangan dan langkah-langkah untuk mengelakkan kemalangan berdasarkan perbualan rakan-rakan mereka di hadapan kelas itu.

AKTIVITI 2 Biar Lambat Asalkan Selamat

SP 2.2.1	Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.
Tema	Keselamatan Diri
PKJR	1.2.1, 2.1.1, 2.4.4, 5.1.3
PAK-21	Lawatan ke Galeri
Objektif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid dapat memahami bahan-bahan yang dikemukakan. 2. Murid dapat menyatakan isi-isi tersurat yang berkaitan dengan kelajuan sebagai punca kemalangan. 3. Murid dapat menyatakan isi-isi tersirat yang berkaitan dengan kelajuan sebagai punca kemalangan. 4. Murid dapat memberikan ulasan mengenai kelajuan boleh membunuh manusia kepada rakan-rakan lain.

Lebih LAJU dipandu, Lebih KUAT kesan hentakan

Kesan Hentakan Akibat Kemalangan

Pada kelajuan **50 km/j** kesannya bersamaan dengan kenderaan yang jatuh dari bangunan 3 tingkat.

Pada kelajuan **100 km/j** kesannya bersamaan dengan kenderaan yang jatuh dari bangunan 12 tingkat.

Ingat, kelajuan membunuhi !

SHAH ALAM, 24 JUN – Sikap pemandu yang memandu melebihi had laju ditetapkan merupakan punca utama berlakunya kemalangan jalan raya, di negara ini.

Timbalan Pengerusi MKJR Selangor, Dato' Mazalan Md Noor percaya, kemalangan boleh dielakkan, sekali gus aspek keselamatan pengguna jalan raya lain lebih terjamin jika pemandu mematuhi peraturan.

“Kebiasaannya, faktor berlakunya kemalangan berpunca daripada pemanduan melebihi had laju. Hal ini demikian kerana, apabila kenderaan dipandu laju, pemandu sukar membrek apabila ada sesuatu yang berlaku.”

Aktiviti

1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta untuk membaca dan memahami bahan grafik yang diberikan.
3. Setiap kumpulan diminta supaya menganalisis dan membuat ulasan tentang bahan grafik dan petikan berita yang diberikan. Lebih kurang 20 minit masa diperuntukkan kepada setiap kumpulan untuk menyediakan bahan pembentangan.
4. Selesai menyediakan bahan pembentangan, murid dikehendaki supaya menampalkan kertas mahjung mereka di sudut yang ditetapkan di dalam kelas. Setiap kumpulan melakukan persediaan akhir dengan memilih seorang daripada kalangan mereka untuk menjadi pembentang di sudut tersebut.
5. Sesi pembentangan di sudut masing-masing bermula dan setiap kumpulan akan bergerak ke sudut lain mengikut pusingan jam. Pembentang yang dipilih tadi akan kekal menunggu di sudut mereka dengan kumpulan baharu. Pembentang akan menceritakan segala info yang berkaitan dengan tajuk yang diberikan.
6. Sekiranya ada soalan daripada tetamu, pembentang akan cuba sebaik mungkin untuk memberikan jawapan yang terbaik. Setiap kumpulan hanya diperuntukkan masa lebih kurang 5 hingga 7 minit bagi setiap sudut.
7. Selesai semua bergerak ke setiap sudut, murid-murid dari setiap kumpulan akan mengemaskinikan nota mereka dan melakukan semakan semula apa-apa yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan mereka tadi.